

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 SEPTEMBER 2016

Pertemuan Dr. M, Anwar satu sandiwara

wm - 7/9/2016

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Pertemuan mesra Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan bekas seterunya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam merupakan sebuah lagi sandiwara politik yang dilakukan bagi mengaburi mata rakyat.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, kehadiran bekas Perdana Menteri itu serta kesanggupan beliau menunggu Anwar di mahkamah sebelum keduanya dilihat bersalaman, tidak ubah bagaikan sebuah filem.

"Mungkin inilah yang dikatakan sandiwara, sepertimana pelakon-pelakon hebat memenangi anugerah sehingga mampu membuat kita percaya bahawa lakonan mereka adalah benar, tetapi sebenarnya semua ini hanyalah agenda politik semata-mata.

"Kesungguhan beliau (Dr. Mahathir) menentang setiap tindakan kerajaan juga dilihat lebih terdesak sehingga sanggup berbaik dengan seterunya yang pernah disabitkan tuduhan seks di luar tabii," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir bertemu Anwar buat kali pertama selepas 18 tahun persengketaan



IRMOHIZAM IBRAHIM

mereka atas alasan untuk menyatakankan sokongan kepada bekas timbalannya itu yang mengemukakan injuksi bagi mencabar Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016.

Pada 1998, bekas Perdana Menteri paling lama berkuasa itu memecat Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri selepas didakwanya terlibat dengan aktiviti salah laku seksual sehingga akhirnya mencetus gerakan reformasi jalanan.

Irmohizam yang ketika ini berada di Vientiane, Laos, bagi

menghadiri Persidangan Parlimen-Parlimen ASEAN menjelaskan bahawa Akta MKN tidak memberi lebih kuasa kepada Perdana Menteri dan tuduhan pembangkang berhubung perkara itu adalah satu fitnah.

"Menurut Seksyen 18 Akta MKN, pengisytiharan kawasan keselamatan dilakukan atas nasihat MKN. Perdana Menteri hanya boleh mengisytiharkannya jika mendapat nasihat daripada MKN. Hakikatnya, prinsip semak dan imbang dilaksanakan secara menyeluruh.

"Ini menunjukkan ketelusan berbanding undang-undang darurat sebelum ini. Pada pandangan saya, tidak seharusnya pembangkang takut. Ini soal keselamatan negara dan bukannya isu untuk dipolimumkan demi kepentingan politik," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, beliau tidak terkejut dengan tindakan bekas Perdana Menteri itu bertemu Anwar.

"Saya tidak terperanjat; Dr. Mahathir merupakan pakar dalam permainan politik dan sebenarnya bekas Perdana Menteri itu punya banyak persamaan dengan Anwar.

"Apa yang saya ingin persoalkan, adakah selepas ini Dr. Mahathir akan katakan tuduhan-tuduhan terhadap Anwar sebelum ini (seksual) tidak

berlaku? Takkan masuk salam sahaja," jelasnya.

